

12 NOV 1996

Trinidad-Malaysia

TRINIDAD AND TOBAGO HARAPKAN PELABURAN MALAYSIA

Oleh: Salmy Hashim

PORT-OF-SPAIN, 12 Nov (Bernama) -- Trinidad and Tobago mengharapkan pelaburan dari Malaysia dan negara-negara Timur Jauh untuk industri yang memerlukan banyak tenaga buruh selain sektor pelancongan dan perkhidmatan, kata Perdana Menterinya Basdeo Panday.

Beliau memberitahu Bernama di sini hari ini bahawa republik pimpinannya itu boleh menimba pelbagai pengalaman dari Malaysia khususnya berkaitan hubungan antara kaum, membasmi kemiskinan dan pengangguran serta memupuk disiplin.

Panday berada di lapangan terbang di sini bersama anggota-anggota kabinetnya untuk menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi lawatan kerja dua hari.

Negara kepulauan kecil ini mempunyai penduduk seramai 1.3 juta orang terdiri daripada masyarakat India dari India, Cina, kaum kulit hitam dan kumpulan peribumi. Kadar penganggurannya ialah 15.1 peratus.

Panday berkata negaranya tumbuh hasil kekayaan minyak tetapi ia tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak.

"Kami memerlukan pelabur dari Malaysia, Singapura dan negara-negara timur yang lain untuk menyertai industri yang memerlukan banyak tenaga buruh serta dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan," katanya.

Menteri Luar Ralph Marja pula berkata Trinidad and Tobago boleh menjadi saluran bagi pelabur asing memasarkan barangan mereka ke negara-negara Amerika.

"Dalam masa dua tahun ini, kami akan membentuk pasaran bagi satu bilion orang. Trinidad and Tobago akan mempunyai laluan untuk pasaran sedemikian," katanya.

Negara itu sedang berunding dengan Amerika Syarikat untuk mendapatkan "kesaksamaan NAFTA" bagi membolehkan barangan keluarannya memasuki Amerika Syarikat seperti juga Mexico.

Trinidad and Tobago juga telah memohon untuk menyertai NAFTA.

Amerika Syarikat kini merupakan pelabur terbesar di republik itu. Berger Paint International ialah satu-satunya syarikat milik Malaysia yang mempunyai kilang di Trinidad and Tobago.

Dr Mahathir mempunyai jadual yang padat hari ini termasuk berbincang dengan Presiden Noor Hasanali dan Panday, pertemuan dengan 70 pelajar Malaysia dan melawat Point Lisas Industrial Development Co Ltd, antara syarikat terbesar di negara ini. -- BERNAMA

SAL MAI